



UPNM bentuk pemimpin masa depan negara

MAHASISWA Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) digesa meningkatkan keupayaan daya tahan yang tinggi dalam melahirkan pemimpin masa depan negara yang berkualiti.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keupayaan mereka merupakan tunjang utama dalam memastikan matlamat menjadikan Malaysia modal insan tinggi tercapai.

“Dalam arus globalisasi mahasiswa yang bakal menjawat jawatan pegawai tentera mungkin boleh menjadi pemimpin, menteri dan Perdana Menteri, mereka perlu mencipta kecemerlangan dalam pelbagai bidang selain akademik dan ketenteraan.

“Matlamat kerajaan adalah untuk menjadikan pendidikan berkualiti serta meningkatkan pembangunan modal insan

disegani di negara ini,” katanya ketika berucap di majlis Menteri Mentor di universiti berkenaan, baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Wira Allatif Mohd Noor.

Selain itu, Dr Ahmad Zahid berkata, sifat bertanggungjawab dalam diri seseorang mahasiswa merupakan faktor terpenting bagi menentukan kejayaan mereka di universiti.

“Mereka perlu bijak membuat perancangan yang strategik dalam memastikan tanggungjawab itu berjaya dijalankan dan dilaksanakan dengan cemerlang.

“Sifat itu menjadi tonggak dalam usaha mempertahankan negara yang kita cintai ini dengan titipan semangat Malaysia,” katanya.



AHMAD ZAHID disambut pegawai dan pensyarah UPNM sebelum menyampaikan amanatnya kepada mahasiswa di majlis Menteri Mentor di UPNM, baru-baru ini.